



# KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

# SIARAN MEDIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (1) 03/01

## LAWATAN PASCA BANJIR PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

**Terengganu, 12 Januari 2024 - YB Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan** hari ini telah melaksanakan Lawatan Pasca Banjir peringkat Negeri Terengganu diiringi YBrs Mej. Jen. Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV). Dalam program kali ini, YB Adly melaksanakan lawatan kebijakan dan menyantuni Veteran ATM yang terjejas akibat bencana banjir. Program ini merupakan salah satu manifestasi Kementerian Pertahanan dalam menjaga kebijakan Veteran ATM dalam memastikan agenda kebijakan Veteran ATM dan tanggungannya sentiasa diutamakan. Program diteruskan dengan lawatan kebijakan ke rumah Veteran ATM yang uzur dan terjejas akibat bencana banjir. Disamping bertanya khabar, YB Adly turut menyampaikan sumbangan kotak makanan kepada Veteran.

Pada program kali ini, lawatan kebijakan dibuat ke atas **8 orang Veteran ATM** iaitu Encik Abdullah bin Samat berusia 62 tahun, Encik Abd Rahman bin Abu Bakar berusia 68 tahun, Encik Zameri bin Sulong berusia 63 tahun, Encik Aripin bin Abdullah berusia 69 tahun, Encik Mohamad Nazri bin Ab. Hamid berusia 64 tahun, Encik Mohamad bin Ali berusia 70 tahun, Balu Veteran Puan Siti Rapisan binti Ismail berusia 69 tahun dan Balu Veteran Puan Che Kamariah binti A. Latiff.

Skim Bantuan Kebajikan JHEV ATM merupakan program bantuan kewangan bagi menjaga kebijakan Veteran ATM dan tanggungan mereka yang berkelayakan agar dapat memperbaiki dan menjalani kehidupan yang lebih selesa. Terdapat 5 skim iaitu Bantuan Sara Hidup, Bantuan Persekolahan, Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi, Bantuan Peralatan Pesakit dan Bantuan Bencana Alam. Pada tahun 2023, seramai 33,042 Veteran ATM telah menerima manfaat skim kebijakan JHEV ATM dengan jumlah bantuan keseluruhan bernilai RM 62,570,474.35.

Impak positif berjaya direalisasikan daripada inisiatif Program Peduli Veteran dalam memastikan agenda kebijakan dan kesejahteraan Veteran ATM terus terbela dan sentiasa terpelihara sejajar dengan jasa bakti dan pengorbanan dalam memelihara kedaulatan negara. Program Peduli Veteran di seluruh negara akan diteruskan dengan sasaran sekurang-kurangnya sebanyak 800 program dilaksanakan setiap tahun bagi memastikan semua Veteran ATM di seluruh negara dapat menikmati bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM. Justeru, Kementerian Pertahanan berlitzam untuk terus komited dalam mempertingkatkan lagi Program Peduli Veteran melalui siri lawatan kebijakan yang akan datang agar tiada Veteran ATM yang terpinggir daripada menerima insentif yang disediakan.

© Jalan Padang Tembak 50634 Kuala Lumpur, MALAYSIA



Kementerian Pertahanan Malaysia



mindefmalaysia



MINDEFMalaysia



www.mindef.gov.my



mindefmalaysia

Program lawatan ini turut diiringi oleh Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Terengganu dan wakil persatuan-persatuan Veteran sekitar Terengganu.

-TAMAT-

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

Kementerian Pertahanan Malaysia

12 Januari 2023